

UPM atasi IPTA lain komersial produk R&D

Oleh Rosniza Mohd Taha

SEBANYAK 16 produk Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya dikomersialkan setakat ini dengan nilai jualan kasar sebanyak RM28.12 juta iaitu nilai terbesar dicatatkan di kalangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata jumlah yang berjaya dipatenkan juga mendahului IPTA lain apabila 16 produk dan teknologi universiti sudah mendapat sijil paten, manakala 157 lagi masih dalam proses permohonan.

Katanya, kejayaan itu berikutan penubuhan Pusat Inovasi dan Pengkomersialan UPM yang berfungsi menyelaraskan dan memberi fokus kepada kegiatan pengkomersialan hasil penyelidikan universiti.

"Ia termasuk usaha mendapat dana bagi menyokong kegiatan penyelidikan berpotensi dikomersialkan secara berkesan.

"Pusat ini berperanan memberi pendedahan penyelidik universiti mengenai kepentingan memelihara hak harta intelek penyelidikan," ka-

tanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Penyelidik Cemerlang UPM 2007, di Bangi, baru-baru ini yang disempurnakan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Antaranya Prof Madya Dr Ahmad Husni Mohd Hanif dan Prof Madya Dr Syed Omar Syed Rastan yang menerima Anugerah Pengkomersialan menerusi dua produk bagi kegunaan industri penanaman padi iaitu Vita-Grow dan Zappa.

Produk itu dihasilkan bagi mengatasi masalah padi angin dan kekurangan nutrien, sekali gus meningkatkan pengeluaran daripada empat tan kepada lebih 10 tan bagi setiap hektar.

Kini kedua-dua produk itu bukan saja dipasarkan di negara ini malah menembusi pasaran Asean dan Timur Tengah.

Penerima lain Prof Madya Dr Mohamed Othman dan Prof Dr Maimunah Ismail masing-masing bagi kategori Anugerah Penerbitan Cemerlang.

Anugerah Penyelidik Muda pula diterima Dr Cheah Yoke Kqueen dan Dr Zulhamri Abdullah.



RAMAH MESRA: Mohamed Khaled (tiga dari kanan) sambil disaksikan Nik Mustapha (empat dari kanan) menyatakan sesuatu kepada sebahagian pensyarah UPM yang menerima Anugerah Penyelidik Cemerlang, baru-baru ini.